

Nota Ringkas

Buku Teks
Unit 8

- 1 Kata nafi ialah kata yang digunakan untuk menafikan atau meniadakan sesuatu.
否定词是用来否定事物的词语。
- 2 Terdapat dua bentuk kata nafi, iaitu "tidak" dan "bukan".
否定词有两个，即 "tidak" (没有/不) 和 "bukan" (不是)。

Kata nafi "tidak" 否定词 "tidak"	Kata nafi "bukan" 否定词 "bukan"
• hadir sebelum frasa kerja 出现在动词性词组前面 – Dia tidak menjawab soalan itu. 他没回答那道问题。 – Bayi itu tidak tidur. 那个婴儿没在睡觉。 • hadir sebelum frasa adjektif 出现在形容词性词组前面 – Berita itu tidak benar. 那个消息不是真的。 – Ayah tidak marah lagi. 爸爸不生气了。	• hadir sebelum frasa nama 出现在名词性词组前面 – Dia bukan anak jutawan itu. 他不是那名百万富翁的孩子。 – Cikgu Ong bukan guru kelas saya. 王老师不是我的级任老师。 • hadir sebelum frasa sendi nama 出现在介词性词组前面 – Hadiah ini bukan daripada ibu saya. 这份礼物不是我的妈妈送的。 – Bungkusan ini bukan untuk kamu. 这份包裹不是给你的。

ZON PRAKTIS

A Gariskan kata nafi yang betul. Membaca : TP3

- 1 "Saya (tidak ❖ bukan) berbohong. Memang dia yang mengambil buku kamu," kata Jun Heng kepada Siva.
- 2 Gubahan bunga ini (tidak ❖ bukan) untuk saya tetapi untuk kamu.
- 3 Adik (tidak ❖ bukan) sedih lagi apabila kucing kesayangannya sudah sembuh.
- 4 Kai Jun (tidak ❖ bukan) pemilik akaun Facebook itu.
- 5 Pemain bola sepak yang (tidak ❖ bukan) cergas itu telah digugurkan daripada senarai nama pemain yang akan mewakili sekolah.